

-Kekecehan kerana terpesong

MELAKA, Isnin — Perdana Menteri berkata, kekecehan yang melanda masyarakat Melayu sekarang timbul kerana tindakan segelintir orang yang terpesong perjuangan mereka disebabkan kepentingan diri.

Menurut Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, bagi mengekalkan kedudukan mereka di dalam masyarakat, golongan berkenaan yang sudah kekurangan penyokong kini mempermainkan semangat kengerian di kalangan orang Melayu tanpa menghiraukan kesannya terhadap perpaduan keseluruhan

Oleh
SA'ODAH ELIAS

masyarakat.

"Oleh itu, ahli Umno mestilah sentiasa berhati-hati dan mengelak daripada terpengaruh dengan tindak-tanduk golongan berkenaan yang hanya bertujuan memecahbelahkan masyarakat untuk mengukuhkan kedudukan mereka.

"Ahli Umno juga mestilah mengelak daripada terbabit dalam perebutan tempat atau jawatan, sama ada di peringkat cawangan, bahagian atau negeri, kerana perebutan jawatan hanya akan berakhir dengan perpecahan," katanya ketika berucap di majlis makan malam untuk ahli Umno dan parti komponen Barisan Nasional

(BN) negeri Melaka di kediaman rasmi Ketua Menteri, Datuk Seri Abdul Rahim Thamby Chik, malam tadi.

Perdana Menteri berkata, sekiranya pemimpin peringkat cawangan, bahagian atau negeri terlalu ghairah berebut tempat dan jawatan sehingga meluakan tanggungjawab asal mereka kepada masyarakat, keadaan negara akan menjadi kucar-kacir.

Katanya, ahli umno mesti sedar hakikat bahawa kemerdekaan dan keamanan yang dirasai selama ini adalah hasil tolak ansur antara pemimpin yang sentiasa mengutamakan kepentingan rakyat melebihi kepentingan diri sendiri.

Menurutnya, sekiranya lebih ramai orang Melayu terpengaruh dengan jejak golongan yang mementingkan diri sendiri, sudah pasti negara tidak akan lagi berada dalam keadaan aman dan tenteram seperti sekarang.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, keadaan itu akan menghancurkan semua usaha kerajaan menjadikan negara ini kukuh di segi ekonomi bagi membolehkannya bersaing dengan negara lain.

Katanya, kerajaan sekarang sedang berusaha bersungguh-sungguh memastikan kestabilan ekonomi yang mula dirasai terus berkekalan dengan menghindar sebarang kejadian yang boleh menakutkan pelabur.